



Senarai Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2021 UiTM Cawangan Pulau Pinang

1.0 Pendahuluan

Anugerah Akademik Universiti (AAU) merupakan anugerah yang diberi kepada kakitangan akademik yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang akademik. Sebagai tanda penghargaan kepada kakitangan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang, Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Pulau Pinang akan menganjurkan Anugerah Akademik Universiti 2021 pada 22 Disember 2022.

Sebanyak 20 kategori anugerah akan dipertandingkan bagi Anugerah Akademik Universiti 2021 UiTM Cawangan Pulau Pinang.

2.0 Senarai Anugerah

Berikut merupakan senarai anugerah yang dipertandingkan

2.1 Anugerah Akademik Utama UiTMCPP

Anugerah ini merupakan anugerah utama dalam penganugerahan ini. Anugerah ini diberikan kepada kakitangan akademik yang telah berkhidmat dengan UiTM melebihi tempoh 10 tahun.

2.1.1 Aspek Penilaian

- a) Sumbangan dalam P&P (contoh: invoasi dalam P&P seperti MOOC, MC, CIDL)
- b) Sumbangan dalam kepimpinan akademik
- c) Sumbangan dalam penyelidikan, penerbitan, perundingan
- d) Sumbangan lain yang berimpak tinggi seperti kolaborasi penyelidikan, MoA, MoU, atau MoE yang disertai, panel MQA, EAC, atau lain-lain agensi kelayakan/badan professional, Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum, dan lain-lain
- e) Penerimaan anugerah/pengiktirafan

2.2 Anugerah Ahli Akademik Harapan UiTMCPP

Anugerah ini diberikan bertujuan untuk memberi galakan kepada pensyarah-pensyarah muda untuk memberikan perkhidmatan kepada UiTM dengan lebih cemerlang. Anugerah ini akan diberikan kepada kakitangan akademik yang telah berkhidmat dengan UiTM kurang daripada 10 tahun.

2.2.1 Aspek Penilaian

- a) Sumbangan dalam P&P (contoh: invensi dalam P&P seperti MOOC, MC, CIDL)
- b) Sumbangan dalam kepimpinan akademik
- c) Sumbangan dalam penyelidikan, penerbitan, perundingan
- d) Sumbangan lain yang berimpak tinggi seperti kolaborasi penyelidikan, MoA, MoU, atau MoE yang disertai, panel MQA, EAC, atau lain-lain agensi kelayakan/badan professional, Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum, dan lain-lain
- e) Penerimaan anugerah/pengiktirafan

2.3 Anugerah Penyelia Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada kakitangan akademik yang mempunyai pelajar sarjana dan kedoktoran sebagai pelajar seliaan.

2.3.1 Aspek Penilaian

- a) Bilangan penyeliaan pelajar pasca yang aktif sebagai penyelia utama pada tahun semasa
- b) Bilangan graduan pasca siswazah yang bergraduat teramai sebagai penyelia utama pada tahun semasa
- c) Bilangan graduan GOT pada tahun semasa

2.4 Anugerah e-Pembelajaran Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada kakitangan akademik yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam penggunaan teknologi dalam pendidikan. Anugerah ini merupakan kesinambungan daripada Anugerah *Massive Open Online Course (MOOC)* dan Anugerah *Micro Credential (MC)*.

2.5 Anugerah *Massive Open Online Course (MOOC)* Terbaik

Anugerah MOOC terbaik 2021 diberikan bertujuan untuk menghargai usaha dan inisiatif para pensyarah sebagai pembangun MOOC yang telah memberikan sepenuh komitmen dalam menghasilkan bahan pengajaran yang berkualiti dan terbaik yang boleh digunakan untuk sesi pembelajaran atas talian.

2.5.1 Aspek Penilaian

- a) Bahan pengajaran yang terkini, interaktif, dan relevan
- b) Kepelbagaiannya penilaian dan penyediaan rubrik
- c) Keterlibatan dan interaksi pelajar
- d) Penggunaan bahasa yang betul dan kejelasan suara dalam penyampaian
- e) Penggunaan video original/asli dan sekurang-kurangnya tiga (3) kandungan dalam setiap topik
- f) Format kandungan

2.6 Anugerah *Micro Credential (MC)* Terbaik

Anugerah MC terbaik 2021 diberikan bertujuan untuk menghargai usaha dan inisiatif para pensyarah sebagai pembangun MC yang telah memberikan sepenuh komitmen dalam menghasilkan bahan pengajaran yang berkualiti dan terbaik yang boleh digunakan untuk sesi pembelajaran atas talian.

2.6.1 Aspek Penilaian

- a) Bahan pengajaran yang terkini, interaktif, dan relevan
- b) Kepelbagaiannya penilaian dan penyeidaan rubrik
- c) Keterlibatan dan interaksi pelajar
- d) Penggunaan bahasa yang betul dan kejelasan suara dalam penyampaian
- e) Penggunaan video original/asli dalam kandungan setiap topik
- f) Format kandungan

2.7 Anugerah *Collaborative Teaching (CL)* Terbaik

Anugerah ini diberikan untuk mengiktiraf dan menghargai kecemerlangan kakitangan akademik dalam melaksanakan projek pengajaran kolaboratif. Pengajaran kolaboratif, juga dikenali sebagai pengajaran koperatif atau pengajaran berpasukan, merujuk kepada pendekatan pengajaran yang melibatkan pakar dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada disiplin/jabatan/fakulti/kampus/cawangan berbeza, pengamal industri, agensi kerajaan, universiti nasional dan antarabangsa yang bekerjasama dengan pensyarah UiTM.

2.7.1 Aspek Penilaian

- a) Kualiti penyediaan laporan
- b) Bukti pelaksanaan CL
- c) Ahli kumpulan pelaksanaan CL
- d) Kepelbagaiannya & keterangkuman pasukan CL
- e) Peringkat pelaksanaan

2.8 Anugerah Rakan Strategik HEA

Anugerah khas ini diberikan kepada kakitangan akademik yang telah bergiat aktif memberikan sumbangan dan kepakaran yang ada kepada pihak Bahagian Hal Ehwal Akademik.

2.8.1 Aspek Penilaian

- a) Sumbangan kepakaran terhadap HEA
- b) Sumbangan tenaga terhadap HEA
- c) Kerjasama dengan HEA

2.9 Anugerah Pengantarabangsaan

Anugerah ini diberikan kepada kakitangan akademik yang telah bergiat aktif di peringkat antarabangsa sama ada dalam penyelidikan, lantikan, dan juga anugerah dan pengiktirafan.

2.9.1 Aspek Penilaian

- a) Lantikan sebagai *visiting professor*
- b) Kolaborasi penyelidikan peringkat antarabangsa
- c) Penyeliaan pelajar antarabangsa
- d) Penerimaan anugerah/pengiktirafan antarabangsa dari pihak luar, penyertaan dalam mana-mana konferen (*best paper/best presenter/best poster*), *keynote/invited/plenary speaker*.

2.10 Anugerah Kepimpinan Akademik Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada pentadbir akademik (Ketua Pusat Pengajian / Koordinator Program) yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam kepimpinan fakulti/akademi/jabatan.

2.10.1 Aspek Penilaian

- a) Purata peratusan KPI peperiksaan yang dicapai di akhir semester 20212 & 20214 (pencalonan pentadbir fakulti sahaja)
- b) Purata peratusan lulus peperiksaan yang dicapai di akhir semester 20212 & 20214 (pencalonan pentadbir akademi/jabatan sahaja)
- c) Bilangan inovasi/ciptaan individu
- d) Bilangan kejayaan/anugerah yang dicapai individu
- e) Bilangan kerjasama yang terlibat dengan pihak luar (industri/universiti lain)
- f) Bilangan penerbitan/kajian individu

2.11 Anugerah Pusat Pengajian Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada pusat pengajian terbaik yang telah menunjukkan prestasi cemerlang. Penilaian akan dilakukan terhadap penglibatan serta pencapaian kakitangan akademik dan pelajar.

2.11.1 Aspek Penilaian

- a) Purata peratusan KPI peperiksaan yang dicapai di akhir semester 20212 dan 20214
- b) Bilangan inovasi/ciptaan yang dicapai oleh staf & pelajar
- c) Bilangan kejayaan/anugerah yang dicapai oleh staf & pelajar
- d) Bilangan kerjasama fakulti dengan pihak luar (industri/universiti lain) oleh staf dan pelajar
- e) Jumlah penerbitan/kajian staf & pelajar

2.12 Anugerah Jabatan Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada akademik/jabatan terbaik yang telah menunjukkan prestasi cemerlang. Penilaian akan dilakukan terhadap penglibatan serta pencapaian kakitangan akademik.

2.12.1 Aspek Penilaian

- a) Purata peratusan lulus peperiksaan yang dicapai diakhir semester 20212 dan 20214

- b) Bilangan inovasi/ciptaan oleh staf
- c) Bilangan kejayaan/anugerah yang dicapai oleh staf
- d) Bilangan kerjasama fakulti dengan pihak luar (industri/ university lain) oleh staf
- e) Jumlah penerbitan/kajian oleh staf

2.13 Anugerah Program Ijazah Sarjana Muda (ISM) Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada pusat pengajian terbaik yang telah menunjukkan prestasi cemerlang. Penilaian akan dilakukan terhadap penglibatan serta pencapaian kakitangan akademik dan pelajar program ijazah sarjana muda.

2.13.1 Aspek Penilaian

- a) Purata peratusan KPI peperiksaan yang dicapai di akhir semester 20212 dan 20214
- b) Bilangan inovasi/ciptaan yang dicapai oleh staf & pelajar ISM
- c) Bilangan kejayaan/anugerah yang dicapai oleh staf & pelajar ISM
- d) Bilangan kerjasama fakulti dengan pihak luar (industri/universiti lain) oleh staf dan pelajar ISM
- e) Jumlah penerbitan/kajian staf & pelajar ISM

2.14 Anugerah Program Diploma Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada pusat pengajian terbaik yang telah menunjukkan prestasi cemerlang. Penilaian akan dilakukan terhadap penglibatan serta pencapaian kakitangan akademik dan pelajar program diploma.

2.14.1 Aspek Penilaian

- a) Purata peratusan KPI peperiksaan yang dicapai di akhir semester 20212 dan 20214
- b) Bilangan inovasi/ciptaan yang dicapai oleh staf & pelajar diploma
- c) Bilangan kejayaan/anugerah yang dicapai oleh staf & pelajar diploma
- d) Bilangan kerjasama fakulti dengan pihak luar (industri/universiti lain) oleh staf dan pelajar diploma
- e) Jumlah penerbitan/kajian staf & pelajar diploma

2.15 Anugerah Pengurusan Peperiksaan Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada fakulti dan jabatan yang telah menguruskan hal ehwal peperiksaan dengan cemerlang dan peratusan penghantaran LE15 tertinggi. Anugerah ini dicalonkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik berdasarkan rekod peperiksaan.

2.15.1 Aspek Penilaian

- a) Peratusan penghantaran LE15 bagi semester 20212 & 20214
- b) Bilangan kes yang minimum (kes pembetulan, muat naik markah lepas tempoh, dan kemaskini Terma 99999 luar tempoh)

2.16 Anugerah Staf Makmal Terbaik

Anugerah ini terbuka kepada semua staf makmal yang telah menunjukkan potensi diri dengan penglibatan dalaman yang berkaitan P&P dan penglibatan luar seperti penglibatan dalam sukan dan juga kerja-kerja NGO.

2.16.1 Aspek Penilaian

- a) Penglibatan luar staf (pengaktifan dalam sukan, penglibatan dalam NGO)
- b) Penglibatan dalaman staf (KIK, inovasi berkaitan PnP, penulisan)
- c) Penerimaan anugerah/pengiktirafan
- d) Inisiatif staf terhadap peningkatan kemahiran dan kompetensi

2.17 Anugerah Staf Pentadbiran Akademik Terbaik

Anugerah ini diberikan khas kepada staf pentadbiran Bahagian Hal Ehwal Akademik yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan berkenaan urusan hal ehwal akademik.

2.17.1 Aspek Penilaian

- a) Pengetahuan mengenai pengurusan Hal Ehwal Akademik
- b) Perkhidmatan terhadap pelanggan

2.18 Anugerah Penasihat Akademik Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada kakitangan akademik yang dilantik sebagai Penasihat Akademik pelajar yang aktif menjalankan aktiviti bersama pelajar dan mempunyai pencapaian pelajar (peningkatan pencapaian akademik dari semester 20212 ke 20214).

2.18.1 Aspek Penilaian

- a) Bilangan aktiviti bersama pelajar
- b) Pencapaian pelajar (peningkatan pencapaian akademik pelajar dari semester 20212 ke 20214.)

2.19 Anugerah Program TAPA Terbaik

Anugerah ini diberikan kepada pengarah program TAPA yang telah berjaya melaksanakan program yang memberikan impak yang cemerlang serta kerjasama dengan pihak luar.

2.19.1 Aspek Penilaian

- a) Impak/Kerjasama program (kerjasama alumni/pencapaian PI UiTM/kerjasama industri/ komuniti/ agensi kerajaan/kelestarian alam sekitar)
- b) Peringkat pelaksanaan program (antarabangsa/ kebangsaan/ negeri/ daerah/kampus)

2.20 Anugerah Pensyarah Versatile

Pencalonan bagi anugerah ini adalah berdasarkan kepada pencapaian cemerlang dalam bidang calon, sumbangan, aktif dalam penglibatan luar dan sukan, serta berdasarkan penilaian SuFO. Bagi kategori ini, Jawatankuasa Pemilihan Pemenang akan membuat saringan ke atas calon. Calon yang layak akan bertanding dan pemilihan akhir adalah dengan cara undian terbuka daripada semua warga UiTM Cawangan Pulau Pinang.

2.20.1 Aspek Penilaian

- a) Pencapaian yang cemerlang dalam bidang masing-masing
- b) Sumbangan kepada UiTM dan komuniti
- c) Penglibatan luar (NGO dan lain-lain)
- d) Penglibatan dalam sukan
- e) Penilaian SuFO

3.0 Borang Pencalonan

Borang pencalonan boleh diisi menerusi pautan

<https://forms.gle/HbdNEjFXZJ9F5URw6>

Setiap pencalonan perlu mengisi borang pencalonan secara atas talian dan menghantar bukti sokongan seperti gambar, *hyperlink* dll dengan mengisi ***BORANG LAMPIRAN PENCALONAN ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2021, UiTM CAWANGAN PULAU PINANG***



4.0 Tarikh Akhir Pencalonan

Semua borang pencalonan perlu dihantar secara atas talian menggunakan platform yang ditetapkan **selewat-lewatnya pada 16 Disember 2022 (Jumaat), jam 5.00 petang**. Permohonan yang dihantar lewat daripada pada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima.

5.0 Penutup

Sebarang pertanyaan mengenai pencalonan boleh diajukan kepada En. Muhammad Fikri bin Ramli, Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Akademik menerusi talian 04-382 3193 atau emel kepada resexam@uitm.edu.my.

Keputusan Jawatankuasa Pemilihan Pemenang Anugerah Akademik Universiti 2021 UiTM Cawangan Pulau Pinang adalah **MUKTAMAD**.

Tarikh : 9 Disember 2022